

PEMBANGUNAN KAPASITI ATAS PELAPORAN KEMAMPAHAN

Didorong oleh permintaan pelabur terhadap maklumat kemampanan yang konsisten dan boleh dipercayai, NSRF telah dilancarkan pada September 2024. NSRF menunjukan penggunaan *Piawaian Pendedahan Kemampanan IFRS* yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (ISSB) dan keperluan jaminan untuk pelaporan kemampanan.

NSRF mengguna pakai pendekatan pelaksanaan berperingkat dan pembangunan ke atas syarikat-syarikat di Malaysia. Penerbit tersenarai pasaran utama dengan permodalan pasaran sebanyak RM2 bilion dan ke atas (Kumpulan 1) akan dikehendaki menggunakan piawaian ISSB dalam pelaporan kemampanan mereka untuk tempoh pelaporan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025 dan diikuti oleh penerbit tersenarai pasaran utama lain pada 2026 dan penerbit tersenarai pasaran ACE serta syarikat-syarikat besar tidak tersenarai pada 2027.

Jaminan luaran adalah perlu untuk meningkatkan kebolehpercayaan maklumat kemampanan. NSRF menyasarkan untuk memberi mandat jaminan munasabah ke atas pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Skop 1 dan Skop 2 untuk Kumpulan 1 bermula dari tempoh pelaporan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027 dan diikuti oleh penerbit tersenarai pasaran utama lain pada tahun 2028 dan penerbit tersenarai pasaran ACE serta syarikat besar tidak tersenarai pada tahun 2029. Ini adalah untuk menyediakan pelabur dengan tahap kepercayaan dan keyakinan yang sama seperti penyata kewangan teraudit.

Profesion perakaunan, yang pernah bertanggungjawab terutamanya untuk pelaporan kewangan, dijangka mengembangkan kapasiti mereka untuk menyokong amalan kemampanan syarikat dan menyediakan perkhidmatan jaminan mengenai maklumat kemampanan.

Memandangkan keperluan sumber yang mendesak dalam ekosistem kemampanan, PACE (Dasar, Andaian, Kalkulator dan Pendidikan) telah ditubuhkan sebagai hab sokongan pelaksanaan NSRF. Tugas utamanya adalah untuk menjalankan program pembangunan kapasiti berkaitan NSRF bagi penyedia, akauntan dan pengarah, menyediakan bahan pendidikan, panduan am dan kit alat.



Program Pensijilan Profesional Inisiatif Pelaporan Global (GRI)

Memandangkan 77%¹ daripada syarikat yang melaporkan tentang alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) telah sama ada menggunakan atau membuat rujukan kepada piawaian GRI pada tahun 2022 dan bagi membolehkan penggunaan rangka kerja pelaporan pelengkap lain, PACE telah mengenal pasti Program Pensijilan Profesional GRI sebagai salah satu program penting untuk meningkatkan kemahiran kemampanan akauntan.

Sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan (ACSR) dan untuk menyokong inisiatif pembinaan kapasiti PACE, AOB telah memberi subsidi yang besar kepada 100 akauntan daripada firma audit berdaftar AOB untuk Program Pensijilan Profesional GRI. Program Pensijilan Profesional GRI telah dijalankan oleh Pusat Perkembangan Industri Sekuriti (SIDC) pada Oktober 2024. Para akauntan telah melalui semua Modul Pensijilan Profesional GRI untuk melengkapkan mereka dengan kecekapan yang diperlukan untuk menilai, mengesahkan dan memberi jaminan tentang pendedahan kemampanan.

Untuk membolehkan penyedia menggunakan piawaian GRI dan piawaian ISSB dengan lancar dalam pelaporan kemampanan mereka, Modul Kebolehoperasian ISSB-GRI telah dibangunkan pada suku keempat 2024. Modul kebolehoperasian akan menunjukkan bagaimana proses dan keperluan pelaporan yang mematuhi GRI boleh digunakan untuk mematuhi keperluan piawaian ISSB. Bengkel mengenai modul kebolehoperasian akan dijalankan pada suku pertama 2025.



¹ IFAC *The State of Play: Sustainability Disclosure and Assurance, 2019 – 2022 Trends & Analysis*.